

## **ILMUWAN PENGAMAL SANAD SAHIH AL-BUKHARI ALAM MELAYU DI MALAYSIA**

*FARAH NUR-RASHIDA BINTI ROSNAN*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[farahnurrashida@kuis.edu.my](mailto:farahnurrashida@kuis.edu.my)

*FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[farhahzaidar@kuis.edu.my](mailto:farhahzaidar@kuis.edu.my)

*SITI MURSYIDAH MOHD ZIN*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
[sitimursyidah@kuis.edu.my](mailto:sitimursyidah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Komuniti pengamal sanad atau al-musnid diketahui umum merupakan satu entiti yang sah kewujudannya dan diiktiraf kegiatannya dalam lapangan ilmu hadis. Hal ini berdasarkan skop dan istilahnya yang dapat dirujuk dalam hampir keseluruhan karya mustalah hadis. Justeru itu, kegiatan seseorang al-musnid masih diberi perhatian dalam arena keilmuan hadis sekalipun status ini tidak setaraf dengan al-muhaddith dan berada di belakangnya. Makalah ini bertujuan untuk memperkenalkan Maulana Mansor bin Ismail sebagai salah seorang ilmuwan pengamal sanad kepada kitab Sahih al-Bukhari dalam lingkungan ulama alam melayu abad 21 khususnya di Malaysia serta relevansi pengamalannya pada masa kini. Reka bentuk kajian adalah kualitatif daripada jenis kajian kes. Manakala instrumen pengumpulan data adalah menerusi metode temu bual dan analisis kandungan dokumen kutipan lapangan dan perpustakaan. Analisis data dilakukan secara historikal dan deksriptif. Kesimpulan daripada penemuan keseluruhan menunjukkan tokoh berkenaan memiliki autoriti sebagai pengamal sanad kepada kitab Sahih al-Bukhari yang berkelayakan sama ada pada peringkat tahammul iaitu pengajian tokoh bersama guru atau pada peringkat al-'ada' iaitu pengajian tokoh bersama murid. Kedua-dua proses ini direalisasikan berdasarkan kepatuhan terhadap tata cara periwayatan salasilah sanad menerusi adaptasi tiga metode al-tahammul wal al-ada' iaitu al-sama', al-qira'ah dan al-ijazah dalam disiplin ilmu hadis. Aplikasi periwayatan ketiga-tiga metode ini juga dikenali sebagai talaqqi bersanad dan relevansi utama pengamalannya adalah untuk mengekalkan salasilah sanad.

**Kata kunci:** Maulana Mansor bin Ismail; pengamal; sanad; Sahih al-Bukhari; Malaysia.

## **MALAY PRACTITIONER OF SANAD SAHIH AL-BUKHARI IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

The community of sanad or al-musnid practitioners is generally known as a legal entity and is recognized for its activities in the field of hadith. This is based on the scope and terms that can be referenced in almost any work. Therefore, the activities of an al-musnid are still considered in the

field of hadith scholars even though this status is not in line with al-muhaddith and is behind it. This paper aims to introduce Maulana Mansor bin Ismail as one of the leading scholars of the book Sahih al-Bukhari in the 21st century Malay scholar especially in Malaysia and its relevance to contemporary practice. The design of the study is qualitative of the type of case study. Whereas data collection instruments are based on interview methods and content analysis of field and library collection documents. Data analysis is historically and descriptive. The findings from the overall findings indicate that the person has authority as a practicing practitioner of the Sahih al-Bukhari book which is qualified either at the tertiary level which is the study of the teacher-joint character or at the level of al-'ada 'that is the study of the student figure. Both of these processes are realized based on adherence to the rules of saladah saladahas through the adaptation of three methods of al-tahammul wal al-ada 'namely al-sama', 'al-qira'ah' and 'al-ijazah' in the discipline of hadith. The application of these three methods is also known as talaqqi intention and the main relevance of the practice is to maintain the genealogy.

**Keywords:** Maulana Mansor bin Ismail, practitioner, sanad, Sahih al-Bukhari, Malaysia.

## PENGENALAN

*Sahih al-Bukhari* merupakan kitab riwayat hadis yang berautoriti (Ibn Hajar al-<sup>o</sup>Asqalani, 2003:12). Majoriti ilmuwan Islam menyatakan konsensus terhadap kesahihan hadis-hadis dalam *Sahih al-Bukhari* dan mengiktirafnya sebagai kitab paling sahih selepas al-Quran semenjak zaman hayat penyusunnya sehingga kini (al-Qastallani, 1304:2).

Sejajar dengan reputasi tersebut, Abu Bakr al-Kafi (2000: 58) merumuskan bahawa tidak terdapat sebuah kitab yang mendapat keprihatinan yang tinggi dalam kalangan umat Islam dan para ulama selepas al-Quran kecuali *Sahih al-Bukhari*. Keprihatinan tersebut direalisasikan menerusi sumbangan usaha ilmiah yang mendalam dalam berkhidmat terhadap kitab ini. Keprihatinan tersebut juga pada satu tahap adalah menerusi pengejalan aplikasi periwayatan *Sahih al-Bukhari* daripada penyusun hingga sampai kepada generasi kini secara *sama<sup>c</sup>* dan *ijazah*. Aplikasi ini diistilahkan dalam makalah ini sebagai *talaqqi bersanad* (Farhah Zaidar, 2014: 34-35).

## LATAR BELAKANG KAJIAN

*Talaqqi bersanad* (TB) merupakan metode tradisi dalam pengambilan ilmu-ilmu Islam (<sup>o</sup>Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1992: 46). Pengaplikasian TB bertitik tolak daripada nokhtah pendengaran (*al-sama<sup>c</sup>*) dan penyampaian (*al-tabligh*) wahyu al-Quran dan hadis bersumber daripada Rasulullah ﷺ. Pendekatan ini berkembang menjadi metode yang kemudiannya dalam konteks ahli hadis didisiplinkan dalam aturan *al-tahammul wa al-'ada* (al-Nadwi, 2001: 8). Manakala *al-sama<sup>c</sup>*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* merupakan tiga metode TB yang diterima pakai oleh ulama (Muhammad, 2007: 166). Sehingga kini pengulangan praktik ketiga-tiga metode tersebut masih diadaptasikan terutama dalam mempelajari kitab hadis seperti *Sahih al-Bukhari* walaupun pendekatan mirip *al-wijadah* terhadap karya tersebut lebih meluas dipraktikkan.

Faktor utama kelangsungan TB adalah kerana ia merupakan pendekatan yang berfungsi sebagai mekanisme persambungan riwayat terhadap sumber kedua ilmu syariat iaitu hadis menerusi metode yang diperakui oleh ahli hadis. Selain itu, ia juga berkaitrapat dengan pandangan alam komuniti pengamal terhadap keistimewaan *sanad* dan keprihatinan dalam mempraktikkan tradisi riwayat bagi mengekalkan kelangsungan salasilah antara generasi (Ibn al-<sup>o</sup>Imadiyyah, 2008:

17). Manakala komuniti pelaksanaanya dikenali sebagai pengamal *sanad* atau terminologi asal dalam pengajian hadis adalah *al-musnid*.

Pengamal *sanad* atau *al-musnid* pula didefinisikan secara dasarnya dalam istilah ilmu hadis sebagai seseorang yang meriwayatkan hadis dengan *sanadnya* sama ada ia mempunyai ilmu atau sekadar meriwayatkannya sahaja (al-Khatib, 1989: 448). *Al-Musnid* juga turut dikenali sebagai perawi yang menerima dan menyampaikan hadis menerusi salah satu daripada metode-metode *al-tahammul* (*Mawsu'ah 'Ulum al-Hadith*, 2007: 380, 706). Dalam konteks pandangan ulama mutakhir, *al-musnid* dirumuskan sebagai seseorang yang melakukan penambahan periwayatan menerusi pengetahuan terhadap *al-ma'ajim*, *al-athbat* dan *al-faharis* serta prihatin dalam menerima *al-musalsalat* dan memiliki banyak periwayatan daripada para guru. Definisi ini bersesuaian dengan kondisi *al-musnid* pada masa kini kerana *sanad* mereka memang semakin bertambah persambungan periwayatannya secara kurun demi kurun sehingga sampai kurun kini (Mahmud Sa'id Muhammad Mamduh, 2009: 19, 19).

Manakala nama-nama para guru yang bersalasilah seperti mana yang terdapat dalam karya *al-ma'ajim*, *al-athbat*, *al-faharis* dan *al-musalsalat* menjadi sumber pengeluaran *sanad* bagi seseorang *al-musnid* yang mengaplikasikan pendekatan TB dalam pengajian kitab-kitab hadis muktabar seperti *Sahih al-Bukhari*. Dengan itu *al-musnid* tersebut dapat menyenaraikan salasilah guru beliau secara berantailah menerusi guru kepada guru beliau sehingga seterusnya sampai kepada penyusun kitab-kitab tersebut.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penerokaan awal kajian menemui responden yang dikenali sebagai Maulana Mansor bin Ismail yang memiliki kriteria pengamal *sanad* atau *al-musnid* kepada kitab *Sahih al-Bukhari* dalam lingkungan ulama alam melayu abad 21 khususnya di Malaysia. Namun kajian memerlukan analisa historikal dan deskriptif yang lebih detail untuk memperkenalkan responden sebagai pengamal *sanad* atau *al-musnid* kepada kitab *Sahih al-Bukhari* yang berkeelayakan sama ada pada peringkat *tahammul* iaitu pengajian tokoh bersama guru atau pada peringkat *al-'ada'* iaitu pengajian tokoh bersama murid. Kedua-dua proses ini perlu dianalisis berdasarkan kepatuhan terhadap tata cara periwayatan salasilah *sanad* menerusi adaptasi tiga metode *al-tahammul wal al-ada'* iaitu *al-sama'*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* dalam disiplin ilmu hadis serta relevansi pengamalannya pada masa kini.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perkara utama dalam kajian. Metodologi merupakan cara atau tatacara gerak kerja dalam sesuatu penyelidikan. Metod atau kaedah yang baik dan sesuai akan menghasilkan dapatan kajian yang baik. Dalam melakukan sesuatu kajian, beberapa kaedah tertentu boleh digunakan untuk memungut, menganalisis, serta mentafsir data (Norfazila Ab. Hamid, 2019).

Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif daripada jenis kajian kes. Reka bentuk merujuk kepada strategi tentang prosedur yang digunakan untuk menjawab kepada persoalan kajian (Mohd Asri Harun, et al, 2017).

Pengumpulan data juga merupakan elemen penting dalam sesuatu kajian. Seseorang pengkaji perlu bijak dalam memilih kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data agar data yang diperolehi adalah tepat. (Norfazila Ab. Hamid, 2016). Dalam kajian ini, instrumen

pengumpulan data adalah menerusi metode temu bual dan analisis kandungan dokumen kutipan lapangan dan perpustakaan.

Analisis data dilakukan secara historikal dan deksriptif. Persampelan kajian dipilih berdasarkan kriteria-kriteria sampel yang bertepatan dengan objektif kajian iaitu jenis persampelan bertujuan. Latar belakang sampel dikenal pasti terlebih dahulu semasa penerokaan awal kajian. Keputusan pemilihan melibatkan partisipan yang dianggap pakar dan mempunyai pengalaman yang spesifik dengan subjek kajian yang telah digariskan. Partisipan dikriteriakan sebagai *al-mujiz* seperti yang tertera dalam dokumen sijil *sanad Sahih al-Bukhari* yang dikeluarkan, berpengalaman mempelajari *Sahih al-Bukhari* sehingga khatam berdasarkan adaptasi metode TB dan berperanan mengaplikasikan semula pengajian *Sahih al-Bukhari* tersebut menerusi metode yang sama. Justeru kajian berpendapat partisipan mempunyai maklumat yang kaya dan banyak berkaitan dengan permasalahan yang ingin diteroka. Selain itu, kesudian tokoh tersebut memberi persetujuan rasmi sebagai partisipan kajian turut menjadi salah satu faktor pemilihan (Merriam, 1998: 61).

## DAPATAN KAJIAN

Analisis historikal dan deskriptif menunjukkan terdapat lima dapatan kajian yang diperbincangkan sebagaimana berikut.

### Profil Partisipan

Maulana Mansor bin Ismail dilahirkan pada 6 Disember pada tahun 1961 di Raden-mas, Singapura. Pendidikan tertinggi beliau ialah shahadah ‘alamiyyah daripada Jami‘ah Islamiyyah, Karachi, Pakistan yang diperolehinya pada tahun 1995. Beliau merupakan timbalan mudir Madrasah Miftahul Ulum semenjak tahun 1996. Beliau juga merupakan seorang penghafal al-Quran. Selaku tenaga pengajar bagi *Sahih al-Bukhari*, jilid dua, Miftahul Ulum, beliau berpengalaman mengkhatamkan *al-sama‘* dan *al-qira’ah* kitab tersebut sebanyak sembilan kali bermula tahun 2003. (Maulana Mansor, 2012)

Miftahul Ulum pula merupakan institusi yang mengeluarkan sijil shahadah dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab bagi para murid yang berjaya menamatkan pengajian tersebut selama lapan tahun. Jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab atau juga dikenali dengan kelas ‘alim’ adalah mengikuti manhaj pengajian Deoband iaitu khususnya dalam memperkenalkan pengajian yang dikenali dengan *dawrah* hadis *al-kutub al-sittah* dan lain-lain lagi kitab hadis terpilih. Pengajian kitab-kitab hadis dalam *dawrah* tersebut berteraskan pembelajaran secara *bersanad*. *Dawrah* hadis ini layak diikuti oleh murid tahun akhir madrasah iaitu tahun ke tujuh dan ke lapan pengajian. Ianya buat pertama kalinya bermula pada tahun 2002. Sehingga 2010, pihak madrasah telah berjaya mengeluarkan 124 orang graduan *dawrah* hadis (Maulana Hamid, 2012).

### Guru *Sahih Al-Bukhari* Partisipan (Kelayakan *Tahammul*)

Maulana Mansor (2012) dikenal pasti telah mengaplikasikan metode *al-sama‘* dan *al-qira’ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) serta menerima pengijazahan *sanad* kitab tersebut daripada gurunya iaitu Mufti Zarwali Khan. Guru beliau merupakan kelahiran Pakistan. Beliau sehingga kini merupakan tenaga pengajar bagi kitab *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) dalam *dawrah* hadis di Jami‘ah ‘Arabiyyah Ahsanul Ulum, Karachi, Pakistan. Beliau turut menjawat jawatan mudir bagi

madrasah tersebut. Maulana Mansor menyifatkan gurunya sebagai seseorang yang berpengetahuan luas terhadap karya-karya syarah *Sahih al-Bukhari* seperti *Fath al-Bari*. Beliau juga berkemampuan menjawab persoalan yang ditanyakan kepadanya dengan spontan lengkap dengan muka surat bagi sumber rujukan tersebut. Guru beliau juga merupakan anak murid khas kepada ilmuwan terkenal India yang dikenali sebagai Syeikh Anwar Shah al-Kashmiri (m.1352H/1933M).

Oleh itu, Mufti Zarwali Khan merupakan sumber yang merintis penyambungan *sanad* oleh Maulana Mansor untuk aplikasi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua). Maulana Mansor (2012) telah mengaplikasikan *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) dengan Mufti Zarwali Khan semasa beliau mengikuti *dawrah* hadis di Jami<sup>c</sup>ah <sup>c</sup>Arabiyyah Ahsanul Ulum, Karachi, Pakistan pada tahun 1995. Sesi-sesi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) tersebut berlangsung hampir sembilan bulan iaitu bermula pada 10 Syawal 1995 sehingga pengajian terakhir pada 1 Syaban 1995. Manakala majlis rasmi pengkhataman *Sahih al-Bukhari* pula di adakan pada 30 Mac 1995. Secara umumnya sesi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) tersebut, berdurasi di antara enam hingga tujuh jam sehari atau lapan hingga sembilan jam sehari. Kelas tersebut secara rutinnya bermula selepas solat subuh sehingga jam 11.45 pagi, selepas solat zohor sehingga solat asar dan selepas solat magrib sehingga lewat malam. Tempoh pengkhataman *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) di antara Maulana Mansor dengan gurunya tersebut kelihatan agak memakan masa iaitu hampir sembilan bulan.

Pendetailan informasi berkaitan penjadualan dan pengkhataman aplikasi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) oleh Maulana Mansor dengan guru sebagaimana yang dinyatakan di atas dapat menegaskan kebolehpercayaan bahawa beliau telah bertalaqqi hadis-hadis daripada kitab tersebut secara langsung dengan gurunya. Kebolehpercayaan aplikasi ini dilihat penting bagi menentukan kesahihan persambungan *sanad* antara Maulana Mansor dengan gurunya yang menjadi sumber penyambungan salasilah *sanad* al-Bukhari yang beliau ijazahkan kepada murid Miftahul Ulum. Justeru kajian dapat mengenal pasti Maulana Mansor adalah *al-musnid* dalam konteks *al-tahammul* iaitu mengaplikasikan proses *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) dengan gurunya Mufti Zarwali Khan.

Selain itu, Malana Mansor (2012) turut menjelaskan bahawa kebanyakan hadis-hadis dalam *Sahih al-Bukhari* tersebut telah disyarahkan oleh gurunya, Mufti Zarwali Khan. Antara tema kupasan dan syarahan yang ditekankan oleh gurunya ialah *tarjamah al-bab* iaitu hubungan hadis dengan penamaan bab dan persoalan fiqah bersumberkan kitab-kitab syarah seperti *Fath al-Bari*, *Lami<sup>c</sup> al-Darari* dan *Kashf al-Bari*. Kupasan dan syarahan guru tersebut bersifat lisan dan dicatat langsung oleh murid. Informasi ini menunjukkan aplikasi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* oleh Maulana Mansor dengan guru telah menepati kaedah *al-hall wa al-bahth* sebagaimana yang diutarakan oleh Siddiq Hasan al-Qannawji (1985: 131). Ianya iaitu dalam perspektif bacaan hadis dengan kupasan berdasarkan kitab syarah. Kriteria *al-hall wa al-bahth* semakin jelas apabila Maulana Mansor menyatakan bahawa beliau menjalani peperiksaan terhadap hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* sebanyak dua kali setahun. Ianya secara langsung menunjukkan aplikasi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* tersebut bertujuan untuk memahami hadis-hadis tersebut. Menurut Siddiq Hasan al-Qannawji (1985: 132), penekanan kefahaman terhadap hadis-hadis yang dibacakan tersebut merupakan kriteria kaedah *al-hall wa al-bahth*.

Penggiliran tugas antara *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* hadis-hadis tersebut berlaku hampir sama rata. Dalam konteks *al-ada'*, Maulana Mansor dapat menjelaskan proses ini dengan frasa *qara'tu<sup>c</sup> alayh* apabila beliau sendiri membaca hadis atau *quria<sup>c</sup> alayh wa ana asma<sup>c</sup>* apabila rakan membaca hadis sambil beliau mendengar. Guru Maulana Mansor juga adakalanya turut

membacakan hadis-hadis tersebut. Proses ini dapat disampaikan kembali dengan frasa *sam<sup>c</sup>tu* atau lebih tepat *haddathana* atau *akhbarana*. Frasa-frasa ini pada dasarnya tidak berhak diguna pakai oleh seseorang yang tidak mengikuti proses tersebut secara langsung dengan guru dan rakan-rakan.

Seterusnya dalam konteks pengijazahan sanad, Menurut Maulana Mansor (2012) pada peringkat awal iaitu kelas pertama *Sahih al-Bukhari*, guru beliau, Mufti Zarwali Khan telah menjelaskan guru demi guru iaitu *sanad* sehingga kepada Imam al-Bukhari (m.925H6/870M) sebelum beliau memulakan secara rasmi sesi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* kitab tersebut. Langkah ini bertujuan memperkenalkan latar belakang guru sebagai *al-musnid* atau bersalasilah serta berpengalaman mempelajari *Sahih al-Bukhari* secara *bersanad*. Pengumuman ini mengisytiharkan pengijazahan awal *sanad Sahih al-Bukhari* kepada murid.

Pengijazahan *sanad* juga dilakukan dalam bentuk dokumen iaitu setelah sesi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) selesai diaplikasikan sepenuhnya. Dokumen ini merupakan gambar rajah salasilah *sanad* keseluruhan kitab yang dipelajari di Jami'ah 'Arabiyyah Ahsan al-'Ulum termasuk *Sahih al-Bukhari*. Turut direkodkan dalam dokumen ini ialah nama para guru bagi *al-kutub al-sittah* antaranya Mufti Zarwali Khan selaku guru *Sahih al-Bukhari* (jilid dua). Nama Maulana Mansor sebagai murid juga tercatat dalam salasilah *sanad* ini. Dokumen ini pada asasnya menjadi rujukan teras bagi pengeluaran salasilah *sanad Sahih al-Bukhari* (jilid dua) Maulana Mansor sebagaimana yang dikeluarkan kepada murid Miftahul Ulum.

Secara keseluruhan, Maulana Mansor dilihat berkelayakan untuk mengaplikasikan kembali TB terhadap *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) kepada muridnya bagi tujuan penyambungan *sanad* kepada gurunya tersebut. Ini adalah kerana beliau telah terbukti berpengalaman melakukan proses TB terhadap *Sahih al-Bukhari* dengan gurunya tersebut iaitu *al-sama<sup>c</sup>*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah*. Proses ini merupakan satu langkah awal sebelum *al-ada'* (penyampaian) dalam tatacara periwayatan *bersanad* bagi sesuatu ilmu, hadis, atau kitab iaitu selari dengan metode *al-tahammul* yang telah diaplikasikan terlebih dahulu ('al-'Amrani, 1985:78). Ianya juga mirip dengan *dabit* pendengaran daripada guru yang merupakan syarat pengaplikasian semula proses sesuatu riwayat (Ibn al-Salah ,1986: 120).

### **Murid Sahih Al-Bukhari Partisipan (Kelayakan Al-Ada')**

Berdasarkan penemuan sebelum ini, kajian mengenal pasti Maulana Mansor sebagai terbukti berpengalaman mengaplikasi TB *Sahih al-Bukhari* pada peringkat *tahammul* iaitu dengan guru menerusi metode *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* serta *al-ijazah*. Justeru, partisipan berkelayakan mengaplikasikan pendekatan yang sama di peringkat *al-ada'* iaitu dengan murid.

Kelas-kelas *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) Maulana Mansor untuk murid tahun ketujuh telah dijadualkan sebanyak enam kali pertemuan seminggu yang mengambil masa empat jam setengah minit. Manakala kelas-kelas *Sahih al-Bukhari* (jilid dua) Maulana Mansor untuk murid tahun kelapan telah dijadualkan sebanyak tujuh kali pertemuan seminggu yang mengambil masa lima jam setengah minit.

Menerusi penjadualan tersebut, aplikasi *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah* terhadap *Sahih al-Bukhari* tersebut mampu dikhatamkan sekalipun kebanyakan daripada hadis-hadis tersebut turut dikupas dan disyarahkan secara sederhana. Menurut Maulana Mansor (2012), secara keseluruhannya tempoh pengkhataman *Sahih al-Bukhari* ini telah dijadualkan selama dua tahun atau lebih tepat lagi 20 bulan. Majlis pengkhataman dan pengijazahan *sanad* kitab ini lazimnya diadakan pada bulan Rejab setiap tahun. Sehingga kini, sebanyak sembilan kali majlis pengkhataman berjaya diadakan bermula tahun 2003.

Dalam konteks *al-ada'*, para murid Maulana Mansor dapat menjelaskan proses ini dengan frasa *qara'tu 'alayh* apabila salah seorang daripada kalangan mereka membaca sendiri hadis atau *quria 'alayh wa ana asma'* apabila rakan yang membaca hadis sambil mereka mendengar. Maulana Mansor juga adakalanya membacakan hadis-hadis tersebut. Proses ini dapat disampaikan kembali oleh para murid dengan frasa *sam't* atau lebih tepat *haddathana* atau *akhbarana*. Frasa-frasa ini pada dasarnya tidak berhak digunapakai oleh seseorang yang tidak mengikuti proses tersebut secara langsung dengan guru dan rakan-rakan.

Seterusnya pengijazahan *sanad Sahih al-Bukhari* secara lisan iaitu dengan membaca *sanad-sanad* beliau sehingga Imam al-Bukhari (m.256H/870M) dilakukan secara mutlak dalam kelas terawal kitab tersebut. Aplikasi pengijazahan *sanad Sahih al-Bukhari* pada permulaan kelas bertujuan supaya sesi *al-sama'* dan *al-qira'ah* dapat dilakukan secara bersambungan *sanadnya* hingga kepada Imam al-Bukhari (m.256H/870M) daripada awal langkah lagi. Lazimnya praktis ini diterjemahkan menerusi lafaz berikut:

بسندك المتصل إلى البخاري قال باب كيف كان بدء الوحي

Maksudnya:

“Dengan *sanad* engkau (Maulana Mansor) yang bersambung kepada Imam al-Bukhari, beliau berkata bab bagaimana bermulanya permulaan (turunnya) wahyu...”

Lafaz ini diungkapkan oleh murid pertama yang ditugaskan memulakan metode *al-qira'ah* terhadap hadis dalam *Sahih al-Bukhari* bagi setiap kali sesi kelas dimulakan. Kemudian diikuti dengan lafaz *qal bih* yang diungkapkan secara bergilir-gilir oleh setiap murid yang seterusnya sebelum menyambung sesuatu bacaan hadis.

Dokumen *sanad Sahih al-Bukhari* tersebut diserahkan kepada para murid dalam sesi majlis pengkhataman kitab yang diadakan secara tahunan. Dokumen ini dikenali dengan *ijazah sanad al-Bukhari* yang tertera salasilah lengkap *Sahih al-Bukhari*. Salasilah tersebut bermula dengan nama murid, diikuti nama Maulana Mansor serta guru bertalian sehingga sampai kepada Imam al-Bukhari (m.256H/870M) yang kemuncaknya bertaut kepada Rasulullah ﷺ. Dokumen ini turut merekodkan proses aplikasi *al-sama'*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* terhadap *Sahih al-Bukhari* sebagaimana frasa-frasa berikut.

قد قرأ علينا وقرأنا عليه وتعلم منا صحيح البخاري بسند متصل منا إلى الإمام البخاري ومنه إلى الحبيب المصطفى ﷺ فأجزناه أن يقرأ ويقرئ

Maksudnya:

“Beliau (murid) telah membaca dihadapan kami dan kami juga telah membaca di hadapannya dan beliau telah mempelajari daripada kami *Sahih al-Bukhari* dengan *sanad* yang bersambung daripada kami hingga kepada Imam al-Bukhari dan daripada beliau pula bersambung hingga kepada kekasih yang terpilih ﷺ lalu kami mengijazahkan kepadanya agar membaca dan dibaca di hadapannya...”

Kedua-dua langkah pengijazahan iaitu lisan dan tulisan sebagaimana penjelasan di atas adalah menepati dua kaedah yang lazim dipraktikkan dalam metode *al-ijazah*. Manakala nama murid selaku *al-mujaz lah*, nama beserta tanda tangan Maulana Mansor selaku *al-mujiz*, nama kitab *Sahih al-Bukhari* sebagai *al-mujaz bih* serta lafaz pengijazahan yang kesemuanya ditentukan serta direkodkan secara spesifik pada *ijazah sanad al-Bukhari* tersebut. Faktor ini menjadikan kualiti *al-ijazah* yang diberikan bertaraf *ijazah mu'ayyan li mu'ayyan*. Dengan erti kata, lain *al-*

*ijazah* ini merupakan *ijazah* khusus yang hanya diberikan kepada murid yang berjaya menamatkan pengajian *Sahih al-Bukhari* tersebut secara *al-sama'* dan *al-qira'ah* di hadapan Maulana Mansor serta melepasi peperiksaan akhir *dawrah* hadis.

*Ijazah sanad* al-Bukhari ini berfungsi sebagai penyaksian terhadap kebolehpercayaan aplikasi TB terhadap kitab tersebut oleh para murid Miftahul Ulum dan serentak menyambung *sanad* dengan Maulana Mansor. Aplikasi sebegini adalah selaras dengan pandangan al-Suyuti (2000: 210) tentang fungsi *al-ijazah* daripada seseorang *al-mujiz*. Ia merupakan penyaksian seseorang *al-mujiz* ke atas kelayakan seseorang *al-mujaz lah* terhadap perkara yang diijazahkan tersebut.

Keseluruhan penjelasan di atas menunjukkan aplikasi TB terhadap *Sahih al-Bukhari* oleh Maulana Mansor dengan murid adalah selaras dengan aplikasi TB terhadap *Sahih al-Bukhari* oleh beliau dengan guru. Hal ini menunjukkan kelayakan Maulana Mansor dalam menyampaikan semula (*al-ada'*) hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* sepertimana metode beliau telah menerimanya (*al-tahammul*) daripada guru. Keselarasan antara aplikasi TB terhadap *Sahih al-Bukhari* oleh Maulana Mansor pada peringkat *al-tahammul* iaitu dengan guru dengan aplikasi TB terhadap *Sahih al-Bukhari* oleh beliau pada peringkat *al-ada'* iaitu dengan murid adalah mematuhi peraturan asal disiplin ini. Ini adalah kerana seseorang hanya berkelayakan mengijazahkan salasilah *sanad* sesuatu kitab hadis bertepatan dengan kaedah yang diterima daripada gurunya bagi mengekalkan salasilah tersebut agar tidak putus.

### **Relevansi Periwatan *Sanad Kitab Sahih Al-Bukhari***

Pengekalan salasilah *sanad* agar bersambungan tanpa putus di antara generasi demi generasi merupakan faktor yang mendorong Maulana Mansor (2012) merealisasikan persambungan *sanad* menerusi aplikasi TB. Partisipan berpendapat pengekalan salasilah *sanad* patut dipertanggungjawabkan ke atas umat Muhammad ﷺ supaya keistimewaan khusus tersebut terus terpelihara. Justeru, TB wajar dipraktikkan sekalipun pada zaman ini bagi menjaga maruah umat Islam daripada perspektif *sanad* yang terus kekal bersambungan hingga kini. Partisipan berpandangan pengekalan salasilah *sanad* merupakan sesuatu yang istimewa sejajar dengan fungsi *sanad* yang sinonim dengan umat Nabi Muhammad ﷺ. Contohnya sepertimana al-Quran dan hadis. Kedua-duanya telah diriwayatkan atau disampaikan menerusi *sanad*. Manakala umat-umat lain seperti Nasrani dan Yahudi diketahui tidak mempunyai *sanad*. Justeru keistimewaan *sanad* yang kekal bersambungan patut diusahakan kelangsungannya menerusi aplikasi TB.

Al-Qastallani (1991: 722-723) menerusi *Mawahib al-Laduniyyah* menyenaraikan 20 kelebihan khusus yang dimiliki oleh umat Muhammad ﷺ. Salah satunya daripadanya ialah *sanad*. Terdapat tiga pandangan ulama yang dikemukakan oleh al-Qastallani bagi menjelaskan perkara ini. Antaranya ialah komentar daripada Muhammad bin Hatim bin al-Mazfar (m.246H/860M):

Sesungguhnya Allah I telah memuliakan umat ini dan melebihkannya dengan *isnad*. Tidak seorang pun dari umat-umat terdahulu dan yang akan datang diberikan *isnad*. Sesungguhnya hanya suhuf sahaja yang berada dalam tangan mereka, tetapi kitab-kitab mereka telah bercampur dengan khabar-khabar mereka. Mereka tidak dapat membezakan di antara kitab Taurat dan Injil yang diturunkan, dan di antara cerita-cerita yang masuk ke dalam kitab mereka yang diambil oleh orang-orang yang tidak dipercayai.



Manakala al-<sup>c</sup>Ashiq Ilahi (1988:8) menerusi kitabnya *al-<sup>c</sup>Anaqid al-Ghaliyyah* menegaskan bahawa *sanad* merupakan satu nikmat yang besar yang dianugerahkan oleh Allah I khusus untuk umat Muhammad ﷺ. Menurut Shaykh <sup>c</sup>Abd al-Hafiz al-Makki, kebesaran anugerah *sanad* boleh dikenal pasti menerusi aplikasinya yang berfungsi sebagai mekanisme penyambungan *sanad* sehingga sampai kepada Rasulullah ﷺ. Justeru para ulama mengambil berat tentang *sanad* sehingga kepada tahap membukukan *sanad* mereka dan juga para guru. Dengan itu, salasilah *sanad* tersebut masih kekal sehingga boleh disusurgalurkan kembali. Komentari ini bukan lagi persepsi tetapi bertepatan dengan realiti kandungan *al-<sup>c</sup>Anaqid al-Ghaliyyah*. Kitab ini dapat memaparkan susur galur *sanad* ilmuan India sehingga sampai kepada penyusun *al-kutub al-sittah*. Titik pertemuan kepada salasilah kitab-kitab tersebut secara langsung dapat mempertautkan ikatan *sanad* mereka sehingga kepada sumber penyampai mutlak hadis iaitu Rasulullah ﷺ.

Selain itu, partisipan juga mengemukakan empat kata-kata ulama sebagai mewakili contoh keistimewaan dan kepentingan *sanad*. Kata-kata tersebut adalah seperti berikut:

1. Muhammad bin Sirin (m.110H/728M) menyatakan: “Sesungguhnya ilmu (hadis) adalah bahagian daripada agama. Maka perhatikanlah daripada siapa kamu mengambil agama kamu.”(al-Nawawi, 2003: 78)
2. Sufyan al-Thawri (m.161H/797M) menyatakan: “*Isnad* adalah senjata orang mukmin. Apabila tiada bersamanya senjata maka dengan apakah ia akan berperang.”(al-Laknawi, 1994: 23).
3. <sup>c</sup>Abd Allah ibn Mubarak (m.181H/797M) menyatakan: “*Isnad* adalah daripada agama. Sekiranya tiada *isnad*, maka sesiapa sahaja akan berkata apa sahaja yang dia kehendaki.” (al-Nawawi, 2003: 81).
4. Imam al-Shafi'i (m.204H/819M) menyatakan: “Perumpamaan seseorang yang belajar hadis tanpa *isnad* adalah seperti seseorang yang mencari kayu api di waktu malam.” .(al-Laknawi, 1994: 23).

Kajian mendapati komentar para ulama di atas adalah sejajar dengan fungsi *sanad* pada zaman mereka yang dikenali sebagai zaman riwayat. Pada era tersebut, *sanad* adalah penting sebagai sandaran pengenalanpastian kesahihan sesuatu riwayat. Namun pada kurun 15 Hijrah, Maulana Mansor (2012) mengakui bahawa *sanad* kepada penyusun kitab-kitab hadis misalnya *sanad Sahih al-Bukhari* bukan lagi bertujuan untuk menerima atau menolak kesahihan hadis-hadis al-Bukhari. Dalam konteks ini, pandangan partisipan adalah mirip dengan pendapat Ibn al-Salah (2003: 41). Beliau berpendapat bahawa salasilah *sanad* kepada penyusun kitab-kitab hadis tidak lagi mempunyai tujuan asal *sanad* iaitu memastikan kesahihan riwayat tetapi hanya bagi mengekalkan persambungannya.

Namun begitu partisipan berpendapat *sanad* kepada penyusun kitab masih dapat menunjukkan sama ada seseorang telah mempelajari sesebuah kitab seperti *Sahih al-Bukhari* menerusi guru yang pernah mempelajarinya sebelum ini. Salasilah *sanad* tersebut dapat membezakan antara seseorang yang pernah belajar dengan seseorang yang tidak pernah belajar kitab ini secara berguru dan *bersanad*. Pengetahuan terhadap salasilah guru kepada guru sehingga sampai kepada penyusun kitab tersebut menjadikan proses belajar secara *bersanad* tidak putus. Justeru, ianya masih perlu dipraktikkan sehingga kini.

Kajian mendapati pandangan partisipan adalah sejajar dengan realiti yang berlaku dalam aplikasi TB seperti yang direkodkan oleh kebanyakan penyusun karya *al-thabat*. Al-Fullani (1984:

15) contohnya menyifatkan pengekal kelangsungan salasilah *sanad* kepada Rasulullah ﷺ meskipun jauhnya jarak zaman merupakan perkara yang luar biasa. Walaupun jarak umat hari ini dengan baginda ﷺ telah berlalu lebih 1400 tahun, namun susur galur pertalian mereka dengan baginda ﷺ masih tidak putus hingga ke hari ini. Susur galur atau rantai tersebut dipelihara oleh para ulama. Mereka akan menyambungkannya kepada generasi berikut khususnya kepada para murid sebagaimana yang diaplikasikan oleh para partisipan. Berikutan itu, kelangsungan salasilah *sanad* mampu dikekalkan sehingga ke hari ini dengan fungsinya sebagai ikatan keilmuan antara seseorang guru dengan murid yang bersambungan sehingga sampai kepada Rasulullah ﷺ.

## KESIMPULAN

Justeru keprihatinan partisipan mengaplikasikan TB bagi tujuan memelihara pengekal salasilah *sanad* tersebut dilihat telah melaksanakan kewajipan yang sewajarnya dipikul oleh generasi kini khususnya dalam kalangan guru *al-musnid*. Apatah lagi usaha persambungan salasilah *sanad* antara generasi mutakhir dengan generasi terdahulu menerusi mekanisme *sanad* dan riwayat atau dalam konteks kajian diistilahkan sebagai TB merupakan suatu tanggungjawab yang disuarakan secara majoriti dan tidak dapat disangkal lagi kelebihannya. Pendapat ini pernah dikemukakan oleh Shaykh Muhammad <sup>o</sup>Awamah (AlRashid, 2009:12) sebagai pengiktirafan oleh beliau secara khusus terhadap sumbangan *al-musnid* kurun ke 14 Hijrah iaitu Muhammad Zahid al-Kawthari (m.1371H/1952M) dalam bidang riwayat dan *sanad*.

Selain itu, Yusuf <sup>o</sup>Abd al-Rahman al-Mar<sup>o</sup>ashli (Ibn Hajar al'Asqalani, 1992:10) turut menggesa para penuntut ilmu agar kembali membaca kitab di hadapan para ulama yang memiliki *sanad* yang bersambung sehingga kepada penyusun kitab-kitab warisan muktabar dalam pengajian Islam. Ianya bertujuan agar mereka menjadi pembawa ilmu dan menyampaikannya kepada generasi hadapan. Jika tidak *sanad-sanad* ini lambat laun akan terputus akibat pengabaian terhadap aspek ini. Kajian berpendapat proses persambungan salasilah *sanad* pada masa hadapan akan gagal direalisasikan jika tiada inisiatif daripada pihak-pihak tertentu dalam meneruskan aplikasi TB sebagaimana yang diusahakan oleh partisipan. Sementara itu, kenyataan ini juga menunjukkan bahawa menerusi pendekatan TB, salasilah *sanad* masih boleh diwariskan secara bersambungan di antara generasi kini dengan generasi terdahulu.

## RUJUKAN

- <sup>o</sup>Abd al-Fattah Abu Ghuddah. 1992. *Al-Isnad min al-din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Abu Bakr al-Kafi. 2000. *Manhaj al-imam al-Bukhari fi tashih al-ahadith wa ta<sup>o</sup>liluha*. Beirut: Dar Ibn Hazam.
- al-<sup>o</sup>Amrani , <sup>o</sup>Abd Allah. 1983. *Thabat Abi Ja<sup>o</sup>far Ahmad bin <sup>o</sup>Ali al-Balawi al-Wadi Ashi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- AlRashid, Muhammad bin <sup>o</sup>Abd Allah. 2009. *Zahid al-Kawthari wa ishamatuh fi <sup>o</sup>ilm al-riwayah wa al-asanid*. t.tp: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- al-Barni, <sup>o</sup>Ashiq al-Ilahi. 1988. *Al-<sup>o</sup>Anaqid al-ghaliyyah min al-asanid al-<sup>o</sup>aliyyah*. Deoband: Maktabah Deoband.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2014. Faktor-faktor Dorongan Aplikasi *Talaqqi bersanad* (TB) dan keperluannya dalam Pengajian Hadis di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- al-Fullani, Imam Salih bin Muhammad. 1984. *Qatf al-thamar fi raf' asanid al-musannafat fi al-funun wa al-athar*. Tahqiq: 'Amir Hasan Sabri. Jeddah: Dar al-Shuruq.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. 2003. *Hady al-sari muqaddimah fath al-bari sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Baz & Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. 1992. *Al-Majma' al-mu'assis li al-mu'jam al-mufahris*. Tahqiq: Yusuf 'Abd al-Rahman al-Mar'ashli. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-'Imadiyyah, al-hafiz Mansur bin Salim al-Hamdaniyy al-Iskandaraniyy al-Shaff'iyy. 2008. *Juz' fi al-ijazah*. Tahqiq: Nizam Muhammad Salih Ya'qubi. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ibn al-Solah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shaharzuri. 2003. *Siyanah Sahih Muslim min al-ikhlat wa al-ghalat wa himayatuh min al-isqat wa al-saqat*. Tahqiq: Farid 'Abd al-'Aziz al-Jundi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Solah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shaharzuri. 1986. *'Ulum al-hadith*. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Khatib, Muhammad 'Ajaji. 1989. *Usul al-hadith 'ulumuh wa mustalahuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Laknawi, Muhammad 'Abd al-Hayy. 1994. *Al-Ajwibah al-fadilah li al-as'ilah al-'asharah al-kamilah*. Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Muhammad bin 'Abd al-Razzaq Aswad. 2007. *Shurut al-rawi wa al-riwayah 'inda ashbab al-sunan dirasah tatbiqiyyah*. Damshiq: Dar Tibah.
- Mahmud, Sa'id Muhammad Mamduh. 2009. *Al-Ittijahat al-hadithiyyah fi al-qarn al-rabi' 'ashar*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid & Kartini Abd. Wahab. 2017. Kajian Perbandingan Sikap Dan Kecekapan Komunikatif Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid-Murid Melayu Bandar Dan Luar Bandar. *Jurnal Melayu Edisi Khas*, 295-310.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2016. Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu*, 15 (1), 103-143..
- Norfazila Ab. Hamid. 2019. Inventori Fonem Dialek Melayu Jugra Di Permatang Pasir. *Jurnal Melayu*, 18 (1), 31-45.
- al-Nadwi, Muhammad Akram. 2001. *Bughyat al-mutabi' li asanid al-'allah al-sharif Muhammad al-Rabi'*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 2003. *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*, jil. 1, tahqiq: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qastallani, Ahmad bin Muhammad. 1304H. *Irshad al-sari li sharh Sahih al-Bukhari*. Jil. 1. Misr: Dar al-Fikr.
- al-Qannawji, Siddiq Hasan. 1985. *Al-Hittah fi dhikr al-sihah al-sittah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qastallani, Ahmad bin Muhammad. 1991. *al-Mawahib al-laduniyyah bi al-minah al-muhammadiyyah*, tahqiq: Salih Ahmad al-Shamiyy, Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- al-Suyuti, Jalal al-Din bin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2000. *Al-Itqan fi 'ulum al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Salim Hashim. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

**Biodata Penulis:**

Farah Nur-Rashida Binti Rosnan merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Potensi Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Farhah Zaidar Mohamed Ramli merupakan pensyarah di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Lulusan Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Siti Mursyidah Mohd Zin merupakan pensyarah di Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).